

11/05/1997

Mengenali 13 pemimpin berpengaruh Asia baru

iewed by Bakhari Ariff

RAMAI orang berpendapat kemajuan dan pertumbuhan ekonomi yang puratanya lebih tujuh peratus di rantau Asia disebabkan oleh modal dan sumber buruh yang murah, khususnya di Asia Tenggara.

Penganalisis ekonomi dan politik juga mencari sebab keajaiban pertumbuhan drastik sedekad lalu hingga kini. Nujum masa depan pula melihat tamadun besar akan beralih dari Eropah dan Amerika Syarikat ke rantau Asia-Pasifik.

Bagi Greg Sheridan, seorang wartawan akhbar harian Australian, keajaiban berkenaan disebabkan negara Asia-Pasifik memiliki pemimpin dan corak kepemimpinan yang luar biasa keberanian dalam meneroka pasaran baru serta pintar dalam pengurusan hal ehwal antarabangsa.

Oleh itu buku *Tigers - Leaders Of The New Asia-Pasific*, iaitu karya yang boleh digolongkan dalam buku kewartawanan, memuatkan 13 pemimpin politik berpengaruh di Asia baru.

Buku berhalaman 317 muka surat itu dihasilkan daripada pengalaman langsung Sheridan melalui temu bual dengan pemimpin terbabit bagi mencari 'apa' dan sebab sesuatu peristiwa itu berlaku khususnya dalam aspek ekonomi dan politik.

Selain mengemukakan tugas pemimpin itu yang kebanyakan kurang termaklum kepada orang ramai, Sheridan juga menceritakan mengenai perubahan dan arah aliran kuasa serta mereka yang mendapat manfaat daripada perubahan yang terbentuk itu.

Antara pemimpin politik Asia-Pasifik yang diceritakan dalam buku ini termasuk Presiden Korea-Selatan, Kim Young-sam dan Lee Kuan Yew; Goh Chok Tong (Singapura); Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (Malaysia); Paul Keating dan John Howard (Australia); Suharto (Indonesia) dan Morihiro Hosokawa (Jepun).

Buku ini juga melukiskan tugas Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton dalam mewarnakan Asia khususnya dalam aspek mengimbangi kuasa ketenteraan Jepun dan China di rantau ini, selain pembabitannya dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec).

Oleh sebab Sheridan bertugas sebagai editor luar negara akhbar Australian, beliau dapat melihat dengan jelas ketokohan pemimpin berkenaan dan bagaimana mereka itu berurusan dalam hal ehwal luar negara.

Ini kerana hal ehwal luar semakin mendapat perhatian ramai kebelakangan ini, khususnya apabila konsep globalisasi mendapat perhatian ahli politik dekad ini.

Sebagai contoh, katanya, ketika banyak negara termasuk Australia menganggap campur tangan Amerika Syarikat dirasakan perlu di rantau ini bagi mengimbangi hegemoni China atau Jepun, Malaysia melalui suara berani Dr Mahathir konsisten dengan pendapat tidak perlu akan kehadiran Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berhujah: "Dengan membawa kuasa tentera di sini, kita cenderung memberi definisi musuh pada masa akan datang. Dengan mendefinisi musuh pada masa depan, kita membuat musuh sekarang. Jika anda mendefinisi sebuah negara sebagai musuh, anda akan pastikan negara itu memberi perhatian kepada anda."

Walaupun Malaysia adalah anggota Five Power Defence Arrangement (FPDA), selain Australia, New Zealand, Britain dan Singapura, ia berpegang kepada prinsip bebas dan merdeka.

Sepatah kata Dr Mahathir: "Jika kita dalam kesusahan, kita tidak boleh

bergantung kepada sesiapa sebagai pembantu. Jalan terbaik ialah mengadakan hubungan yang baik dengan jiran."

Menariknya, pengarang buku ini dengan berani menganalisis pentadbiran Clinton yang gagal dalam pengurusan hal ehwal antarabangsa terutama dalam hubungan diplomatik dan perdagangan dengan negara luar seperti Jepun.

Sehubungan itu, buku ini menjawab soalan bagaimana tekanan yang digunakan oleh Rumah Putih apabila berurusan dengan lebih dagangan yang memihak kepada Jepun atau tekanan kepada China yang tidak mengikut nilai demokrasi yang ditakrifkan oleh Clinton ekoran 'dosa Tianamen'.

Buku ini wajar dibaca bagi mereka yang ingin mengetahui pergolakan ekonomi dan politik yang berlaku di rantau Asia-Pasifik mutakhir ini. Sesiapa yang berminat boleh mendapatkannya di kedai buku, termasuk di Berita Book Centre (BBC).

(END)